

## Terma dan Syarat bagi “Welcome & Trade Campaign”

### 1. Kempen

- 1.1 Public Bank Berhad (“Bank”) akan menganjurkan “Welcome & Trade Campaign” (“Kempen”) yang akan bermula pada 1 Mac 2025 hingga 31 Mei 2025 (termasuk kedua-dua tarikh tersebut) atau lanjutan tempoh lain seumpamanya seperti yang ditentukan oleh Bank (“Tempoh Kempen”).

### 2. Kelayakan

- 2.1 Kempen ini terbuka kepada individu yang memohon dan berjaya membuka akaun PB Sharelink (Rujuk Fasal 3.2 mengenai akaun PB Sharelink yang layak) semasa Tempoh Kempen (“Pelanggan yang Layak”).
- 2.2 Mereka yang berikut tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini:
- (a) pelanggan sedia ada dengan apa-apa jenis Akaun PB Sharelink;
  - (b) kakitangan Kumpulan Public Bank dan mana-mana ahli keluarga terdekat masing-masing;
  - (c) pelanggan bukan individu iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab, sekolah dan pertubuhan;
  - (d) pelanggan yang akaunnya telah ditutup, ditamatkan atau digantung sebelum atau semasa Kempen ini;
  - (e) pelanggan yang akaunnya dipegang dengan Bank culas atau tidak disenggara dengan memuaskan seperti yang ditentukan oleh Bank;
  - (f) pelanggan yang tidak waras;
  - (g) pelanggan yang telah diisytiharkan bankrap, menghadapi penggulungan atau mempunyai prosiding guaman dalam apa juga bentuk terhadap mereka;
  - (h) pelanggan yang berdagang dengan panel pembroker saham Bank di bawah aturan kerjasama dengan broker atau juga dikenali sebagai aturan kerjasama broker dengan pemegang akaun PB Sharelink.

### 3. Mekanisme Kempen

#### 3.1 Takrifan:-

- (a) “Kumpulan Public Bank” merujuk Bank, subsidiari dan syarikat yang berkaitan dengannya.
- (b) “Kontrak perdagangan saham” bermaksud satu kontrak yang mana pesanan “Beli” atau “Jual” suatu saham telah disepadankan dan disahkan oleh Bursa Malaysia Bhd dan satu nota kontrak telah dikeluarkan oleh PIVB. Sekiranya saham yang sama adalah di bawah mod perdagangan yang sama dalam hari yang sama, tidak kira sama ada ia pesanan “Beli” atau “Jual”, ia akan dianggap sebagai satu (1) kontrak bagi tujuan Kempen ini.

#### 3.2 Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak dikehendaki memohon untuk apa-apa jenis akaun PB Sharelink\* berikut dan merangkaikannya kepada akaun CDS dan akaun perdagangan yang aktif yang disenggara dengan Public Investment Bank Berhad (“PIVB”) (kecuali yang dinyatakan dalam Fasal 2.2 di atas) untuk berpeluang memenangi Ganjaran Alu-aluan dan/atau Ganjaran Perdagangan:-

- (a) PB Sharelink – Perdagangan Tunai (“CA”); atau
- (b) PB Sharelink – Perdagangan Bercagaran (“CT”)

Perdagangan Tunai dan Perdagangan Bercagaran hendaklah secara kolektif dirujuk sebagai Akaun.

Dana dalam akaun PB Sharelink dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Saham dalam akaun PB Sharelink tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

## Terma dan Syarat bagi “Welcome & Trade Campaign”

*\*Bagi mengelakkan keraguan, permohonan seumpama itu tertakluk pada kelulusan dan atas budi bicara mutlak Bank.*

### Ganjaran Alu-aluan

- 3.3 Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak yang berjaya membuka Akaun akan layak untuk menerima penebusan bagi fi pembukaan akaun\* yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sehingga maksimum sebanyak RM30 (untuk Akaun CA) atau RM40 (untuk Akaun CT) (secara kolektif dirujuk sebagai “Ganjaran Alu-aluan”) tertakluk pada jumlah bilangan kontrak perdagangan saham “Beli” yang dimuktamadkan seperti yang diilustrasikan di bawah.

*\*Bagi mengelakkan keraguan, fi pembukaan akaun ialah fi bagi pembukaan Akaun Depositori Bursa Malaysia dan peneraan nominal bagi perjanjian nomini, surat tolak selesai dan/atau surat tawaran.*

Ilustrasi:-

Jumlah Bil. Kontrak Perdagangan Saham “Beli” yang Dimuktamadkan semasa Tempoh Kempen	Ganjaran Alu-aluan	
	Untuk Akaun CA	Untuk Akaun CT
1	Dihadkan pada RM10	Dihadkan pada RM10
2	Dihadkan pada RM20	Dihadkan pada RM20
3	Dihadkan pada RM30	Dihadkan pada RM30
4	Dihadkan pada RM30	Dihadkan pada RM40
5	Dihadkan pada RM30	Dihadkan pada RM40

- 3.4 Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak untuk memenangi satu (1) Ganjaran Alu-aluan, sama ada untuk Akaun CA atau Akaun CT sepanjang keseluruhan Tempoh Kempen.

*Bagi mengelakkan keraguan, sekiranya seorang Pelanggan yang Layak membuka kedua-dua Akaun CA dan Akaun CT, Akaun yang pertama berjaya dibuka akan layak untuk “Ganjaran Alu-aluan” tersebut.*

### Ganjaran Perdagangan

- 3.5 Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan yang Layak yang berjaya membuka Akaun layak untuk mendapat ganjaran tunai bagi setiap kontrak perdagangan saham “Beli” yang dimuktamadkan. Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak untuk mendapat maksimum sepuluh (10) ganjaran tunai dalam Kempen ini seperti yang diilustrasikan di bawah (“Ganjaran Perdagangan”).

Ilustrasi:-

Jumlah Bil. Kontrak Perdagangan Saham “Beli” yang dimuktamadkan semasa Tempoh Kempen	Ganjaran Perdagangan	Ganjaran Perdagangan Terkumpul
1	RM8	RM8
2	RM8	RM16
3	RM8	RM24
4	RM8	RM32
5	RM8	RM40
6	RM8	RM48
7	RM8	RM56
8	RM18	RM74
9	RM18	RM92
10	RM28	RM120
Lebih daripada 10	-	Dihadkan pada RM120

## **Terma dan Syarat bagi “Welcome & Trade Campaign”**

### Penunaian Ganjaran

- 3.6 Ganjaran Alu-aluan dan Ganjaran Perdagangan akan dikreditkan dalam Akaun Pelanggan yang Layak dalam tempoh tiga (3) bulan selepas akhir Tempoh Kempen.
- 3.7 Ganjaran Alu-aluan dan Ganjaran Perdagangan tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak dan tidak boleh ditukar untuk apa-apa barang lain atau kredit, sebahagiannya atau sepenuhnya.

### Hak untuk Menarik Balik

- 3.8 Bank berhak untuk menarik balik Ganjaran Alu-aluan dan Ganjaran Perdagangan:-
  - (a) sekiranya Akaun Pelanggan yang Layak ditamatkan, digantung, ditutup atau dibatalkan sebelum penghantaran Ganjaran Alu-aluan dan Ganjaran Perdagangan; atau
  - (b) sekiranya Terma dan Syarat ini, terma dan syarat yang mengawal Akaun dan apa-apa terma dan syarat yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak tidak dipatuhi bagi tujuan Kempen ini.

## **4. Terma dan Syarat Am**

- 4.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat ini dan terma dan syarat yang mengawal Akaun dan apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak (termasuk apa-apa pindaan, perubahan dan/atau semakan semula terma dan syarat tersebut) bagi tujuan Kempen ini. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal Akaun dan apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal perkhidmatan yang digunakan oleh Pelanggan yang Layak, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi tujuan Kempen ini.
- 4.2 Pelanggan yang Layak bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank untuk memproses, mengumpul, menggunakan dan menyimpan kesemua maklumat mereka bagi tujuan Kempen ini.
- 4.3 Pelanggan yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa rekod urus niaga yang disenggara oleh Bank dan keputusan Bank dalam semua perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat ke atas Pelanggan yang Layak. Bank tidak akan melayani apa-apa rayuan atau surat-menyurat daripada mana-mana Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga mengenai apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.4 Bank tidak akan bertanggungjawab mahupun menerima apa-apa liabiliti dalam apa juga bentuk dan walau bagaimana sekali pun yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak dan/atau pihak ketiga yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku yang disengajakan oleh Bank secara khusus berkaitan dengan Kempen ini.
- 4.5 Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah tafsiran atau salah gambaran fakta oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan berkaitan dengan Kempen ini yang ditawarkan dan diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan.
- 4.6 Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan apa-apa iklan, kempen, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Kempen ini, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai.
- 4.7 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Bank secara nyata mengecualikan dan menolak apa-apa representasi, jaminan atau pengesahan, secara nyata atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa pengecualian kepada apa-apa yang diterbitkan dalam mana-mana media massa, bahan pemasaran atau pengiklanan termasuk tetapi tidak berhad pada apa-apa jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk sesuatu tujuan berkaitan dengan Kempen ini.

## Terma dan Syarat bagi “Welcome & Trade Campaign”

- 4.8 Bank berhak untuk membuat penambahan pada, memadam atau mengubah Terma dan Syarat ini, dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagiannya, dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui penulisan dalam laman web Bank, mempamerkan notis di cawangan Bank atau apa-apa kaedah lain yang akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa dan terma dan syarat yang dipinda itu akan diterima pakai bagi apa-apa peruntukan atau representasi yang terkandung dalam bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- 4.9 Bank berhak untuk membatalkan, menamatkan, menarik balik, melanjutkan atau menggantung Kempen ini sebelum Tempoh Kempen ini tamat, sepenuhnya atau sebahagiannya, pada bila-bila masa, dengan notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pembatalan, penamatan, penarikan balik, lanjutan atau penggantungan Kempen ini oleh Bank tidak akan melayakkan Pelanggan yang Layak untuk membuat tuntutan atau ganti rugi terhadap Bank bagi mana-mana atau kesemua kerugian atau ganti rugi yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan yang Layak secara langsung dan tidak langsung berikutan tindakan pembatalan, penamatan, penarikan balik, lanjutan atau penggantungan tersebut.
- 4.10 Sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan atau kelewatan dalam penghantaran apa-apa urusan niaga yang dikesan melalui sistem Bank, yang mungkin menyebabkan Pelanggan yang Layak dikeluarkan daripada proses pemilihan semasa Tempoh Kempen.
- 4.11 Terma dan Syarat ini akan dikawal dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa bukan eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.12 Pelanggan yang Layak boleh membaca Notis Privasi Bank yang menyatakan bagaimana Bank menggunakan maklumat Peserta yang Layak melalui laman web Bank atau di mana-mana cawangan Bank.
- 4.13 Pelanggan yang Layak diingatkan agar membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum mengambil bahagian dalam Kempen ini. Sekiranya terdapat apa-apa terma yang tidak difahami oleh Pelanggan yang Layak, Pelanggan yang Layak dinasihatkan agar mendapatkan nasihat bebas dan berbincang lebih lanjut dengan wakil Bank.

\*\*\*\*\*

---

RUANG SELEBIHNYA PADA MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG